

Tiada kompromi laporan awam berkaitan sogokan

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman
@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi amaran tidak akan berkompromi jika terdapat laporan orang awam yang menawarkan imbuhan tertentu bagi meraih undi.

Sehubungan itu, semua calon mahupun wakil parti politik yang bertanding pada enam Pilihan Raya Negeri (PRN) diingatkan tidak menawarkan apa sahaja sogokan dan habuan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Menegaskan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah



AZAM BAKI

Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, undang-undang sedia ada sudah cukup jelas iaitu sebarang bentuk dorongan kepada pengundi sama ada wang tunai atau hadiah adalah rasuah.

“Sekiranya pasukan

ini menerima laporan daripada orang awam, terdapat tawaran-tawaran tertentu daripada mana-mana pihak bagi meraih undi, sudah pasti kita akan siasat dan ambil tindakan,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azam berkata, dalam menangani isu rasuah sepanjang PRN ini, satu pasukan khas juga akan ditubuhkan SPRM bagi memantau pelbagai maklumat berkaitan penawaran rasuah daripada pihak-pihak tertentu termasuk di dalam media sosial.

Jelas beliau, SPRM akan menjalankan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkuasa lain sekiranya ada apa-apa isu berkaitan rasuah sepanjang tempoh PRN ini.